

Jumaat – 14 Ogos 2020

Halaman : 15

**Negara!**

15

## Guru Orang Asli bangga mengajar kaum sendiri

**GUA MUSANG** — Seorang guru taman bimbingan kanak-kanak (tabika) berketurunan Orang Asli di Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) berbangga kerana dapat mendidik anak bangsanya sendiri.

Sarudin Johari, 27, anak kelahiran Orang Asli suku kaum Temiar dari Kampung Mendrop, Pos Brooke di sini ditempatkan mengajar di kampungnya sejak enam tahun lalu.

Dia yang mempunyai Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak menjadi satu-satunya guru Orang Asli lelaki yang mengajar kanak-kanak tabika di negeri ini.

"Apabila dipanggil menghadiri temuduga, saya cuba yang terbaik dan tidak menyangka berjaya ditempatkan sebagai pengajar di kampung sendiri," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam..

Sarudin mengakui berasa bangga kerana dapat mengajar Orang Asli dari suku kaumnya sendiri selain boleh menggu-

nakan bahasa ibunda mereka pada sesi pembelajaran.

Dia perlu bertutur dalam dua bahasa iaitu bahasa suku kaum Temiar dan Bahasa Melayu bagi memberi kefahaman kepada kanak-kanak di kampung tersebut.

"Cabaran mengajar kanak-kanak Orang Asli adalah dari segi penggunaan bahasa dan saya gembira kerana dapat membantu mereka.

"Kebanyakan pelajar bertutur dalam bahasa kaum sendiri sejak kecil. Jadi, saya perlu menggunakan dua bahasa bagi memberi penerangan lebih jelas kepada mereka," katanya.

Menurut Sarudin, dia mengajar dan mengendalikan kelas yang menempatkan seramai 20 murid kanak-kanak Orang Asli berusia lima dan enam tahun.

"Sebenarnya seronok mengajar kanak-kanak kerana ia boleh hilangkan tekanan. Masalah akan hilang melihat telatah dan kerenah mereka," ujarnya.



**SARUDIN** mengajar kanak-kanak tabika Kemas di Kampung Mendrop, Pos Brooke, Gua Musang semalam.